

19 APR 2002

MCA-EGM/I

TEAM B MCA BATALKAN EGM ATAS NASIHAT PERDANA MENTERI

KUALA LUMPUR, 19 April (Bernama) -- Mesyuarat Agung Luarbiasa anjuran Team B, MCA yang dijadualkan Ahad ini telah dibatalkan, kata pemimpin kumpulan itu Datuk Lim Ah Lek hari ini.

Lim yang juga timbalan presiden MCA memberitahu satu persidangan berita bahawa pembatalan EGM itu adalah atas nasihat Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad selaku pengerusi Barisan Nasional.

"Perdana Menteri dan Pengerusi Barisan Nasional telah menasihatkan kedua-dua pihak (Team A dan B) dalam MCA dan nasihat beliau memberikan rangka bagi penyelesaian terhadap perpecahan yang berlalu dalam parti sekarang," katanya,

Beliau juga berkata dengan pembatalan EGM itu, perhimpunan agung MCA pada Jun akan diteruskan tanpa ada pemilihan peringkat bahagian, negeri dan pemilihan jawatan tertinggi parti.

Pembatalan pemilihan parti itu adalah selaras dengan "agenda perdamaian dan kestabilan" yang dicadangkan Dr Mahathir, katanya pada sidang akhbar di Hotel Crown Princess di sini yang turut dihadiri semua pemimpin utama kumpulan itu.

"Nasihat Perdana Menteri adalah atas hasrat untuk melihat perpaduan yang merupakan semangat sebenar BN dan ia berasaskan kepada kepercayaan serta syarat yang saksama termasuk membatalkan EGM serta pemilihan parti dari peringkat bahagian dan seterusnya. Bagaimanapun mesyuarat bahagian, peringkat negeri dan perhimpunan agung akan berlangsung seperti biasa tetapi tanpa pemilihan," kata Lim sambil membacakan kenyataan setengah muka surat pada sidang akhbar itu.

Ditanya sama ada Team A bersetuju terhadap pembatalan pemilihan parti pada Jun, Lim berkata: "Saya tidak boleh bercakap bagi pihak mereka, kamu kena tanya mereka. Sila ikut kenyataan ini."

Setiausaha agung parti Datuk Dr Ting Chew Peh, dalam reaksinya terhadap perkembangan terbaru itu bagaimanapun berkata pemilihan parti di semua peringkat akan diteruskan seperti yang dijadualkan.

"Saya agak terkejut dengan pengumuman bahawa pemilihan parti telah dibatalkan... ini akan hanya mengelirukan peringkat bawahan parti dan tidak baik bagi MCA," katanya kepada pemberita semasa ditemui di ibu pejabat MCA.

Dr Ting berkata perlembagaan parti memperuntukkan bahawa pemilihan harus diadakan setiap tiga tahun dan sebelum 31 Ogos.

Hanya jawatankuasa pusat parti mempunyai kuasa untuk membuat keputusan mengenai perkara seumpama itu sementara presiden MCA mempunyai kuasa untuk menangguhkan perhimpunan agung, katanya.

Dr Ting juga berkata memandangkan jawatankuasa pusat telah menetapkan tarikh bagi penamaan calon dan pemilihan parti, tindakan membatalkannya hanya akan menimbulkan suasana kelam kabut.

"Bagi jawatankuasa pemandu MCA, tugas kami ialah bagi memastikan pemilihan berjalan lancar," katanya.

Dr Ting menasihatkan para anggota parti supaya merujuk kepada ibu pejabat mengenai sebarang keraguan yang timbul mengenai pemilihan parti.

"Sebarang penumuman parti harus datang daripada ibu pejabat sama ada saya atau presiden," katanya.

Presiden MCA dan ketua Team A Dr Ling Liong Sik semasa dihubungi Bernama berkata beliau akan memberikan komennya mengenai perkara itu kemudian.

Lim semasa menyentuh mengenai suara perdamaian pada sidang berita itu,

berkata mulai sekarang tiada lagi Team A atau Team B dalam MCA.

"...kerana kita sedang memperkatakan mengenai perpaduan," katanya.

Perdana Menteri telah campurtangan minggu lepas untuk menyelesaikan pertikaian antara kedua-dua kumpulan dalam MCA itu yang bermula dengan pembelian Nanyang Press Holdings oleh parti itu tahun lepas dan menjadi lebih teruk dengan isu senarai anggota perwakilan parti ke pemilihan MCA yang dipertikaian oleh kumpulan Lim.

Dr Mahathir, dalam satu perjumpaan dengan Dr Ling pada Sabtu untuk membantu menyelesaikan krisis itu telah menawarkan satu agenda bagi perdamaian yang perlu dihalusi oleh kedua-dua kumpulan.

-- BERNAMA

RV AT ZS RON